



KENYATAAN TENDER

(KONTRAKTOR BUMIPUTERA SAHAJA)

KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS KEJIRANAN, MEDAN SELERA, DEPOH PERBADANAN PUTRAJAYA, DEPOH BAS DAN PUSAT KITAR SEMULA PRESINT 9, PUTRAJAYA UNTUK TEMPOH TIGA (3) TAHUN (NO. TENDER: PPjT/JB/11/2022)

1. Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor/Syarikat Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini, serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor/Syarikat adalah seperti berikut:

SYARAT MEMASUKI TENDER	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH, WAKTU & TEMPAT TENDER TUTUP
Gred : G7 Kategori : F Pengkhususan: F01 Dan Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) untuk Taraf Bumiputera	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk <i>Slaid</i>) mulai: 27 Jun 2022 (Isnin) di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan	27 Jun 2022 (Isnin) sehingga 8 Julai 2022 (Jumaat) Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya	Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak dikembalikan) Tunai/Deraf Bank Perbadanan Putrajaya	20 Julai 2022 (Rabu) 12.00 Tengah hari Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Wilayah Persekutuan Putrajaya

3. Kontraktor/Syarikat juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - **Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM150,000.00 bagi satu (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.**
4. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
5. Kehadiran Kontraktor/Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Kontraktor/Syarikat yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya.
6. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor/Syarikat adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen **asal dan satu (1) salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
7. Tender ini akan ditutup pada **20 Julai 2022** bersamaan hari **Rabu, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang dikhaskan di tempat dan sebelum waktu yang ditetapkan seperti di atas.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Kontraktor/Syarikat yang berurusan di Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:
<http://www.ppj.gov.my> & <https://myprocurement.treasury.gov.my>